

Umno tidak laksana hudud

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi Umno (MT), memutuskan untuk menuruskan pentadbiran agama Islam secara siasah al-syariah dan tidak akan melaksanakan hukum hudud di semua negeri yang diperintahnya, kata Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita membuat keputusan tidak akan melaksanakan hukum hudud di negeri yang diperintah Umno kerana kita mengikut ajaran Islam, iaitu mengambil kira apa yang dikatakan siasah al-syariah.

"Ini bermakna kita menjalankan hukum mengikut siasah, politik atau keadaan semasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, dalam keadaan negara mempunyai penduduk pelbagai kaum, seperti juga dengan negara Islam lain, kerajaan tidak akan melaksanakan hukum hudud.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Umno tidak akan menghalang langkah Pas mahu melaksanakan hukum hudud di Kelantan, asalkan membuktikan mereka benar-benar berpegang kepada kehendak Islam berhubung pelaksanaannya dan bukan semata-mata ingin mencari kepentingan politik.

"Kita percaya tujuan Pas hanya untuk menimbulkan serba-salah di kalangan Umno kerana mereka percaya Umno akan menghalang niat mereka, kemudian mereka boleh kata Umno yang menghalang walaupun mereka ingin melaksanakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pas tidak pernah membuat persiapan bagi melaksanakan hukum hudud.

"Ini kerana mereka percaya hukum hudud tidak perlu dikaji kerana apabila mereka mendesak untuk melaksanakannya, Umno akan menghalang dan dengan itu mereka boleh menuduh Umno semula," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam mesyuarat itu beberapa pendapat mengenai hukum hudud dikemukakan.

Antara lain, katanya, ialah pendapat mengatakan hukum hudud sudah ada sejak 1,400 tahun dulu.

Beliau berkata, ini bermakna jika Kelantan bersetuju hukum hudud dilaksanakan di negeri itu, mereka yang melakukan kesalahan sebelum ini dan sudah dikenakan hukuman, perlu diadili semula mengikut hukum hudud.

Jika perkara itu tidak dilaksanakan, Pas masih belum melaksanakan sepenuhnya hukum hudud, katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT turut membincangkan beberapa masalah lain termasuk Pengisytiharan Raja-Raja, masalah ekonomi negara dan harta milik parti.

Mengenai Pengisytiharan Raja-Raja, Dr Mahathir berkata, beberapa cadangan perubahan dikemukakan untuk dimasukkan dalam rangka tatacara perilaku raja-raja itu.

Katanya, kandungan pengisytiharan itu belum boleh diumumkan kerana Umno akan mengadakan pertemuan sekali lagi dengan raja-raja.